

BAB DUA

SEJARAH PENGUBATAN ISLAM

2.0. Pendahuluan

Dalam bab ini penulis membincangkan sejarah pengubatan Islam dengan merujuk kepada kaedah pengubatan yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. atau oleh para sahabat di zaman Baginda s.a.w.. Ia penting dibentangkan supaya konsep, matlamat, prinsip dan hukum mempelajari pengubatan Islam dapat difahami dengan jelas oleh para pengkaji dan pengamal pengubatan Islam. Dengan ini juga dapat memberi maklumat yang jelas mengapa pengubatan Islam perlu disuburkan dan secara langsung menunjukkan bahawa Islam adalah agama samawi yang amat sempurna dalam menentukan cara hidup bagi manusia dalam apa juu keadaan sama ada untuk berteori atau berpraktikal, agar manusia mencapai kebahagian yang hakiki semasa di dunia, apatah lagi di akhirat. Lantaran itu Allah menurunkan al-Quran yang prinsipnya rahmat buat seluruh alam dan sebagai panduan hidup seluruh manusia. Bahkan perlu disedari bahawa al-Quran itu adalah satu kitab yang tidak boleh dipisahkan dengan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai utusan Allah yang berperanan sebagai penjelas, penghurai, pentafsir dan pelaksana kepada al-Quran itu sendiri.¹ Sebab itu Saidatina ‘Ó’ishah Ummu al-Mukminin menegaskan dengan ungkapan ²كان خلقه القرآن. Oleh itu bagi setiap muslim apa juu konsep atau perkara yang ingin

¹ Abdul Halim El-Muhammady (1992), *Dinamika Dakwah Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Petaling Jaya,Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 15.

² AbÈ Bakr AÍmad Bin xusain al-BaihaqÈ (1988), *DalÈil al-Nubuwah Wa Ma ‘rifah AíwÈl ØÉíib al-SyarÈ‘ah*, Bab Dhakara AkhbÈr Ruwyat Fi ShamÈilihi Wa AkhlÈkihi ‘AlÈ ÙarÈq al-IkhtîfÈr, cet. 1, jld. 7, DÈr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 51.

dibincang dan ingin dilaksanakan hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada sunnah Rasulullah s.a.w. dan ini tidak terkecuali dengan amalan perubatan Islam. Firman Allah s.w.t.

قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكٌ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَقَامُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ الَّذِي أَلَمْ يَرَوْهُ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَتِهِ وَاتَّقُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ (158)
al-A'raf (7): 158

Terjemahannya:

Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutuskan oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan yang disembah menlainkan Dia; yang menghidup dan mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kallimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh petunjuk.

2.1. Sejarah Pengubatan Islam

Sudah menjadi prinsip dalam Islam untuk menentukan sesuatu perkara dan keadaan itu bertepatan atau tidak dengan keredaan Allah, boleh diterima atau tidak boleh pada hukum syarak, maka kedudukan dan ukurannya mestilah disandarkan kepada *al-Sunnah* dan *al-Sîrah* Rasul-Nya dan tidak boleh terkeliru antara keduanya (*sunnah* dan *sîrah*).³ Begitu juga dengan bidang pengubatan Islam, pengamalannya telah dikaitkan secara langsung dengan amalan pengubatan Nabi s.a.w. yang pasti bertepatan dengan keharusan syarak, walaupun Baginda hidup sezaman dengan masyarakat Jahiliyyah pada awal kehidupannya terutama sebelum dilantik menjadi Rasul, yang mana mereka (masyarakat

³ Siddiq Fadil (Dr.), (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), h. 169-173.

Jahiliyyah) juga mempunyai amalan pengubatan tradisionalnya yang tersendiri. Namun, jika hendak dikaitkan amalan pengubatan Nabi s.a.w. terpengaruh dengan pengamalan pengubatan tradisional Arab Jahiliyyah adalah jauh sama sekali, kerana antara ciri masyarakat Arab Jahiliyyah yang berasal dari keturunan semitik itu ialah sangat patuh kepada kepercayaan tradisi. Malah mereka mempunyai pelbagai bentuk kepercayaan keagamaan dan kepercayaan tasyul. Faktor utama ini berlaku kerana sifat jahiliyyah mereka yang sememangnya sesat daripada pedoman keagamaan yang sebenar (Islam).⁴ Justeru, kebanyakan orang Arab Jahiliyyah tidak begitu mendalam ilmu pengubatan, yang ada hanyalah kefahaman yang diasaskan melalui tradisi turun temurun dengan menganggap sesuatu penyakit itu berpuncak daripada roh-roh jahat, makhluk halus dan jin. Selain itu kaedah rawatan yang diguna pakai oleh mereka banyak bergantung kepada tukang sihir, ahli nujum dan dukun.⁵ lantaran mereka juga merupakan bangsa yang tidak berpengetahuan, tidak boleh menulis dan membaca (sebelum kedatangan Islam).⁶ Setelah kedatangan Islam menerusi kebangkitan Rasulullah s.a.w. dan ada di kalangan mereka terus menganut Islam bersama Rasulullah s.a.w. barulah harga diri mereka bernilai.

Apabila membincangkan kaedah atau bentuk-bentuk pengubatan Nabi s.a.w. perlulah disedari bahawa amalan pengubatannya dapat diyakini keberkesanannya sama ada pada sudut jasmani atau rohani dan ia tidak sama dengan keadaan pengubatan para ahli perubatan lain yang lebih bersandarkan kepada agak-agak, cuba dan lihat dengan

⁴ Jayaudin Jamaludin (2002) *STPM Tamadun Islam kertas 1*. Sri. Kembangan, Selangor: Eastview Publications Sdn. Bhd., h. 8.

⁵ Ahmad Taha (1983), *Kedoktoran Dalam Islam*. Surabaya: P.T Bina Ilmu, h. 10.

⁶ ‘AbdullÉh YusÉf ’Ali (1996/1416H), *The Meaning Of The Holy Qur’ān*. Edisi 8, Beltsville, Maryland, U.S.A.: Amana Publications, h. 391. (pandangan ini dinukilkhan melalui tafsiran beliau mengenai ayat 158 daripada surah al-A‘rÉf).

bersandarkan eksperimen yang mana kaedahnya kadang-kadang tidak mendatangkan keberkesanan. Sedangkan pengubatan yang mencontohi cara nabi adalah bersandarkan wahyu, mishkÉt al-Nubuwwah dan kesempurnaan akal, maka keyakinan terhadapnya saja antara unsur penyembuh kepada penyakit hati.⁷

Oleh itu untuk melihat kedudukan amalan pengubatan Islam Darussyifa' dengan lebih jelas dan hubungannya dengan sejarah pengubatan Islam, maka penulis akan membentangkan beberapa peristiwa perubatan yang berlaku di zaman kehidupan Rasulullah s.a.w. melalui bentuk dan kaedah yang dilaksana atau disarankan oleh Rasulullah s.a.w. semasa menjalankan sesi rawatan.

2.2. Bentuk dan Kaedah Perubatan Nabi s.a.w.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melakukan rawatan terhadap penyakit dengan kaedah yang berbagai, lebih-lebih lagi Baginda s.a.w. merupakan manusia agung yang mendapat bimbingan terus daripada Allah s.w.t. sudah tentu kaedah-kaedah yang datang daripada Rasulullah s.a.w. itu adalah petunjuk daripada Allah s.w.t. jua. Justeru melalui disertasi ini penulis mengkategorikan pengubatan Rasulullah s.a.w. kepada dua bentuk pengubatan iaitu kaedah pencegahan dan kaedah rawatan dengan disertakan beberapa contoh amalan perubatan yang menjadi amalan di zaman Rasulullah s.a.w. ke dalam dua kategori tersebut.

⁷ Aiman Bin Abdul Fattah (2008), *Pengubatan dan Penyembuhan Menurut Wahyu Nabi s.a.w.*, Selangor: Pustaka Dini, h. 47.

2.2.1. Pengubatan Secara Pencegahan

Sesungguhnya perjalanan hidup harian Rasulullah s.a.w. sama ada makan, minum, tidur malah bersama dengan para isteri Baginda s.a.w. merupakan cara hidup sihat dan tercegah daripada cengkaman penyakit. Dari itu pengubatan nabawi secara pencegahan dapat dibahagi kepada empat cara:

a. Pencegahan Melalui Pengawalan Persekutaran

Berkonsepkan kaedah tersebut dari sudut perubatan dapatlah difahami bahawa pada dasarnya kaedah pengubatan Islam bermula dari langkah awal iaitu dengan mengawal serta mengamalkan persekitaran yang bersih di mana intipati ajarannya dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t.

وَثِيَابَكَ فَطَهَرْ (4)

al-Muddaththir (74): 4

Terjemahannya:
Dan pakaianmu bersihkanlah.

Berdasarkan ayat di atas kalimah bersih yang dinyatakan telah mendapat pentafsiran yang berbeza, namun di sini penulis hanya mengetengahkan pentafsiran yang sederhana iaitu kebersihan dan keharuman persekitaran diri dan pakaian, kerana ia melambangkan nilai harga diri rohani seseorang. Maka bau diri yang tidak menyenangkan dihukum makruh untuk berada bersama orang ramai.⁸ Bahkan dalam

⁸ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1999), *op. cit.*, jld. 10, h. 7724-7725.

Islam menjaga kebersihan satu unsur keimanan para penganutnya, sama ada kebersihan diri atau alam sekitar, malah ia merupakan suatu tuntutan yang wajib dilaksanakan.

Oleh itu di sisi Islam kebersihan jasmani juga penting sama dengan pentingnya kebersihan rohani, kerana ia merupakan satu unsur penting dalam memelihara kesihatan dan mencegah penyakit,⁹ Lantaran ini maka Rasulullah s.a.w. memberi penekanan dan menganjurkan supaya mengutamakan penjagaan kebersihan, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.

الظُّهُورُ شَطْرُ الإِيمَان¹⁰

Terjemahannya:
Iaitu kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.

b. Pencegahan Melalui Pemakanan Yang Sihat

Berkonsepkan mencegah lebih baik daripada merawat, maka Islam sebagai agama yang menjamin hidup manusia akan sejahtera dunia dan akhirat telah memberi penekanan terhadap disiplin pemakanan, iaitu bermula daripada sumber memperolehnya hingga kepada cara dan waktu untuk makan, hinggakan ia digolongkan sebagai satu ibadah¹¹ bagi mereka yang menjaga prinsip pemakanan berdasarkan ajaran Islam, kerana makanan yang baik bukan sahaja memberi kesihatan kepada jasmani dan rohani malah dapat mengawal keadaan hidup seseorang serta identiti keislamannya.¹² Oleh itu setiap perkara yang

⁹ Mohd. Muhiben Abd. Rahman, (1996). *Al-Ùibb al-Nabawî: Satu Pengenalan*. Subang Jaya, Penerbitan Al-Ramadhan, h. 30.

¹⁰ Abû xusain Muslim Bin xâjjâ' al-Qushairî (t.t), *op. cit*, jld 1, no. hadis. 556, kitab al-Ùâhârah, h. 140

¹¹ Danial Zainal Abidin (2009), *op. cit.*, h. 25.

¹² Mohamed bin Jusoh (1986). *Prinsip Utama Makanan Dan Miuiman Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwah Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 6.

diharamkan Allah mengenai makanan-makanan tertentu pasti ada hikmahnya, iaitu menjauhkan manusia daripada kemudaratan apabila memakannya,¹³ kerana tujuan makan bukan sahaja untuk memelihara kesihatan badan, yang mana badan itu adalah alat kenderaan bagi roh, sedangkan roh akan menjadi indah, kuat dan dapat dibaiki dengan baik apabila badan itu baik.¹⁴ Dengan itu tercapailah tujuan sebenarnya untuk melancarkan proses pertumbuhan dan pembesaran dari semasa ke semasa melalui sistem pembaikan dan penggantian tisu serta sel-sel tubuh yang rosak dengan menumbuhkan sel-sel baru, lalu manusia dapat menjalankan kegiatan hidup yang direndai Allah serta beramal ibadat kepada-Nya.¹⁵ Berasaskan kepentingannya itulah sehingga tidak ada kitab-kitab fiqh atau hadîth yang sunyi daripada membicarakan persoalan dan permasalahan makan dan minum.¹⁶ Perbahasan mengenai ini semua adalah untuk kebaikan dan kebahagiaan manusia.¹⁷ Sebagaimana Allah s.w.t. berfirman:

يَأَمُّهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلْحُلُّ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ وَنُحْرِمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَثَ
al-A'râf (7): 157

Terjemahannya:

(Tuhan) yang menyuruh mereka mengerjakan yang makruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk lagi kotor.

¹³ Jamaluddin Mahram (Dr), Abdul Azim Hafna Mubasyir (Dr.) (2005), *Al-Qur'ân Bertutur Tentang Makanan dan Obat-obatan*. Irwan Raihan (terj.) Daripada buku *al-Ghadî' Wa al-Dawâ' Fil al-Qur'ân al-Karîm*. Yogyakarta: Mitra Pustaka, h. 452.

¹⁴ Hakim Moinuddin Chishti (2002), *Kitab al-Ùibb al-RËÍiyâ al-ØËfiyyâ*, cet. 5. Rozali Md. Isa. (terj.) Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h. 48.

¹⁵ Mohemad bin Jusoh (1986), *op. cit.*, h. 6.

¹⁶ Muhammad Kamal Abdul Aziz, (t.t). *al-AÏ'imah al-Qur'âniyyah Ghidâ' Wa Dawâ'*. Kaherah: Maktabah al-Qur'ân, h. 7.

¹⁷ Jamaluddin Mahram (Dr.), Abdul Azim Hafna Mubasyir (Dr) (2005) *op. cit.*, h. 454.

c. Pencegahan Melalui Kuarantin

Apabila wujud tanda-tanda akan terjadi wabak sesuatu penyakit yang berbahaya dan boleh berjangkit dengan cepat kepada orang lain, maka perlaksanaan bentuk rawatan secara pengasingan ini akan dilakukan, seperti penyakit taun, kusta, denggi dan seumpamanya. Ini semata-mata untuk melindungi individu atau masyarakat daripada bahaya penyakit yang bakal berlaku itu. Sebagai contoh, *hadîth* yang diriwayatkan oleh Amâr bin Sa‘d bin Abî Waqâf, bahawa dia mendengar ayahnya bertanya kepada Usamah bin Zaid daripada Rasulullah s.a.w. mengenai penyakit taun, maka berkata Usamah bin Zaid. Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

الطَّاعُونُ رِجْزٌ أَوْ عَذَابٌ أُرْسَلَ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَوْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ فَإِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ
بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ إِ�مَامٌ فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ¹⁸

Terjemahannya:

Penyakit taun itu adalah merupakan balasan dosa yang dikirimkan kepada segolongan Bani Israel dan ke atas mereka yang sebelum kamu. Oleh itu apabila kamu dengar wabak taun di suatu (negeri atau daerah). Maka jangan kamu masuk ke tempat (negeri atau daerah) tersebut. Dan apabila wabak taun berlaku di tempat tinggal (negeri atau daerah) kamu, maka jangan kamu keluar daripada tempat tinggal kamu untuk melarikan diri daripadanya (penyakit taun).

Ini merupakan satu kaedah yang diamalkan hingga kini (termasuk dalam perubatan moden) apabila menangani penyakit yang boleh merebak atau berjangkit dengan mudah kepada orang lain seumpama wabak taun. Maka penguatkuasaan sistem kuarantin kepada orang awam iaitu dengan melarang orang luar masuk ke kawasan tersebut dan mereka yang merupakan penduduk di kawasan yang terkena wabak penyakit

¹⁸ Abû xusain Muslim Bin xajjâf al-Qushairî (t.t.), *op. cit*, jld 7, no. hadis. 5903, kitâb al-Salâm, h. 26.

dilarang keluar (untuk mendiami di tempat lain sementara wabak penyakit sedang membarah). Malah kalau boleh mereka yang telah diserang penyakit itu dikumpul atau dikuarantin di satu tempat supaya memudahkan proses pengubatan dan penyembuhan dilakukan.¹⁹

d. Pencegahan Melalui Amalan Doa dan Ayat al-Quran

Penyakit (sama ada dalam bentuk fizikal atau spiritual) juga boleh berlaku dengan sentuhan atau rempuhan iblis atau syaitan atau jin, maka kaedah menjadikan amalan rutin (sebagai wirid setiap hari) dengan membaca al-Quran atau ayat-ayat tertentu daripada al-Quran atau doa-doa yang *wÉrid* daripada amalan dan ajaran Rasulullah s.a.w. sebagai benteng atau pelindung diri.²⁰ AbË UmÉmah al-BÉhilÊ ada meriwayatkan dalam satu *hadÊth* yang agak panjang mengenai saranan Rasulullah s.a.w. supaya menjadikan surah al-Baqarah sebagai rutin bacaan bagi menghindarkan diri daripada serangan sihir. Sebagaimana sabdanya.

..... "إِقْرُأُوا سُورَةَ الْبَقْرَةِ فَإِنَّ أَخْذَهَا بَرَكَةٌ وَتَرَكَهَا حَسْرَةٌ وَلَا تَسْتَطِعُهَا الْبَطَلَةُ." ²¹

Terjemahannya:

"... Bacalah surah al-Baqarah, kerana sesungguhnya mengambilnya adalah barakah, meninggalkannya adalah satu kerugian, dan sekalian tukang sihir tidak mampu untuk mengalahkannya.

¹⁹ Shams al-dÊn MuÍammad Bin AbÊ Bakr Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2006/1427H). *al-Ùibb al-NabawÊ*. Beirut : DÉr al-KitÉb al-'ArabÊ, h. 27-28.

²⁰ Yazid bin 'Abdul Qadir Jawas (2004). *Doa & Wirid Mengobati Guna-guna dan Sihir Menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Cet. 9. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'Ê, h. 366-367.

²¹ Abu AbË xusain Muslim Bin xajjÉj al-QushairÊ al-NaisÉbÉriÊ (t.t.), *op. cit.*, jld. 1, no. hadis. 804, Kitab al-ØolÉh al-MusÉfirÊna wa QaÍrihÊ, h. 553.

2.2.2. Pengubatan Secara Rawatan

Apabila berlaku atau terkena sentuhan sebarang penyakit sama ada kepada diri Baginda sendiri, atau keluarganya, atau para sahabatnya. Maka Baginda s.a.w. akan mengambil pendekatan merawat penyakit tersebut atau meminta di kalangan sahabatnya yang lebih arif dengan sesuatu penyakit untuk mengubat. Berasaskan ini penulis mengkategorikan pengubatan Nabi s.a.w. secara rawatan kepada tiga kaedah:

a. Rawatan Secara 'IlEhiyyah

Kaedah rawatan yang diberi kepada pesakit adalah berasaskan permohonan kepada Allah melalui cara berdoa, jampi, dan membaca ayat-ayat al-Quran yang sesuai. Pengubatan yang dilakukan berdasarkan kepada bacaan ayat-ayat al-Quran yang sesuai dijadikan penawar atau pendinding kepada penyakit-penyakit tertentu, sama ada penyakit zahir atau batin. Sebagai contoh al-Mu'awwidhatain adalah merupakan kompenan bacaan untuk merawat sebarang penyakit fizikal atau yang didatangi oleh gangguan jin dan syaitan serta berlindung daripada serangan mereka. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ummu al-Mu'minEn:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا مَرِضَ أَحَدٌ مِّنْ أَهْلِهِ نَفَّثَ عَلَيْهِ
بِالْمُعَوَّذَاتِ²²

Terjemahannya:

Daripada 'Aisyah r.a. katanya: Bahawa Rasulullah s.a.w. apabila ada

²² AbE xusain Muslim Bin xajjEj al-QushairE al-NaisEbErE (t.t.), op. cit. j. 7, hadis. 5843, Kitab al-SalEm, h. 16. (yang dimaksudkan dengan surah-surah al-mu'awwidzEt ialah surah al-Ikhlaq, al-Falaq, al-NEs).

seseorang di kalangan ahlinya sakit, maka Baginda akan membaca ke atasnya al-mu‘awwidhÉt....

Untuk melihat bentuk rawatan secara ’IlÉhiyyah yang berjalan di zaman Rasulullah s.a.w. dengan lebih jelas, penulis menukilkan contoh bentuk rawatan yang pernah disaran atau dilakukan oleh Rasullah s.a.w. sendiri.

i. Rawatan Melalui Amalan Membaca al-Quran

Dalil pengubatan yang disaran oleh Rasulullah s.a.w. dengan cara melakukan amalan-amalan ibadah yang berbentuk khususi seperti membaca al-Quran, kerana dengan membaca al-Quran ia boleh menjadi ubat bagi menyembuhkan penyakit badan²³ ialah sebagaimana peristiwa yang diriwayat daripada Ibn MardawaiÍ, daripada AbÉ Sa‘Ed al-KhudrÊ telah menceritakan:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي أَشْتَكِي صَدْرِي فَقَالَ: اقْرِأْ الْقُرْآنَ، يَقُولُ اللَّهُ: وَشِفَاعَةُ لِمَا فِي الصُّدُورِ

Terjemahannya:

Bahawa seorang lelaki telah datang berjumpa Rasulullah s.a.w. mengadu bahawa dia sakit dada. Maka Baginda Rasul s.a.w. menyuruhnya membaca al-Quran, kerana Allah s.w.t. ada berfirman وَشِفَاعَةُ لِمَا فِي الصُّدُورِ (dan ubat bagi apa yang di dalam dada).

Dalam hal ini al-Syekh WaÍEd Abd al-SalÉm BÉlÊ menegaskan bahawa semua ayat-ayat al-Quran itu adalah merupakan penyembuh kepada sebarang

²³ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1999), *op. ct.*, J. 5, h. 3318. (hujah ini beliau kemukakan dalam mentafsirkan ayat 57 daripada surah Yunus). Lihat juga dalam Asy-Syaikh AbÉ al-FadÉ’ Muhammad, (2007). ‘Ólij Nafsaka bil al-Qur’Én (Mari Berubat Dengan al-Quran). Abdullah al-Qari Hj. Salleh (terj.), Kuala Lumpur: Al-Hidayah, h. 61.

²⁴ JalÉl al-DÉn‘Abd al-RaÍmÉn Bin AbÉ Bakr al-SuyËli, (1999), *al-ItqÉn FÊ ‘UlÉm al-Qur’Én*, j. 2, h. 391.

penyakit, kerana Rasulullah menerangkannya dalam bentuk keumuman ayat dengan tidak mengkhususkan mana-mana ayat atau surah.²⁵ Kekuatan al-Quran sebagai penyembuh boleh juga dilihat melalui peristiwa ketika ‘Ó’ishah r.a. sakit dan sedang dirawati oleh seorang perempuan, lalu Bagida s.a.w. bersabda kepada perempuan tersebut:

عَالِجِيهَا بِكِتَابِ اللَّهِ²⁶

Terjemahannya:

Rawatilah dia (‘Ó’isyah r.a.) dengan kitab Allah (ayat-ayat al-Quran).

Justeru dapat difahami bahawa memperbanyakkan amalan baik seperti solat, dhikir dan baca al-Quran adalah satu unsur penyembuhan penyakit.²⁷

ii. Rawatan Melalui Amalan Berdoa

Nabi s.a.w. juga pernah melakukan pengubatan dengan cara **berdoa** terus kepada Allah terutama penyakit yang menyerang perasaan atau berada dalam kesulitan,²⁸ sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘AbbÉs bahawa Rasulullah s.a.w. akan membaca:

وَعَنْ أَبْنَى عَبَاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ عِنْدَ الْكَرْبَلَةِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ، وَرَبُّ الْأَرْضِ، وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.²⁹

²⁵ WaÍÉd ‘Abd al-SalÉm BÉlÉ (t.t.). *op.cit.*, h. 53.

²⁶ ‘Ala’uddÉn ‘Ali al-MuttaqÉ bin HisÉm al-DÉn al-HindÉ (al-‘AllÉmah) (2004), *Kanzu al-‘Umal FÉ Sunani al-AqwÉl wa al-Af‘Él*. cet. 2, juz. 10, Beirut, Lubnan: DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 5.

²⁷ Khalid bin Abdurrahman (2000). *Al-FatÉwÉ al-Dzahabiyyah FÉ al-RuqÉ al-Syar‘iyah*. Farizal Tarmizi (terj.) Pustaka Azzam, h. 42-43.

²⁸ MuÍammad ‘IlÉm Ùarabiyyah, (1994), *op. cit.*, h. 42.

²⁹ AbË ‘Abd AllÉh MuÍammad bin IsmÉil (1987/1407H), *QaÍÉl al-BukhÉrÉ*, *Kitab al-Tauhid*, no. hadÉth. 5986, Beirut: DÉr Ibn KathÉr, hlm. 2336. (nama sebenar beliau ialah AbË ‘Abd AllÉh MuÍammad bin IsmÉil bin IbrÉhim bin al-MughÉrah al-Ja‘fÉr. Belliau dilahirkan di BukharÉ pada hari jumaat 13 Syawal 194H dan meninggal dunia pada hari sabtu, malam hari raya pada tahun 256H. Bapanya

Terjemahannya:

Tidak ada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Besar, tidak ada Tuhan melainkan Allah, Tuhan ‘Arasy Yang Maha Besar, tidak ada Tuhan melainkan Allah, Tuhan tujuh petala langit dan bumi serta Tuhan ‘Arasy yang Maha Mulia.

iii. Rawatan Melalui Komunikasi (arahan)

Rawatan Nabi s.a.w. dengan cara memberi arahan kepada punca penyakit supaya keluar daripada badan pesakit dan kebiasaannya penyakit yang berpunca daripada gangguan makhluk halus atau jin. Sesungguhnya ini adalah satu bentuk perubatan yang memerlukan kekuatan dalaman diri serta sebenar-benar tawajuh kepada Allah. Maka cukuplah bagi perawat mengatakan **keluar kamu daripadanya**³⁰ sebagaimana Nabi s.a.w. pernah merawat pesakit dengan hanya berkata:

أَخْرُجْ عَدُوَّ اللَّهِ أَنَا رَسُولُ اللَّهِ³¹

Terjemahannya:

Iaitu keluar kamu! Wahai musuh Allah. Aku Rasulullah.

iv. Rawatan Melalui Sentuhan

Pengubatan dengan cara **mengusap atau meletakkan** tangan pada tempat sakit boleh dilihat melalui peristiwa ‘Uthmān bin Abī al-‘Aī al-Thaqafī telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa dia mengalami sakit badan sejak

merupakan seorang ulama hadis dan beliau mula mempelajari hadis di masa umurnya kurang dari 10 tahun).

³⁰ Abī Mu‘īd Ma‘īd Imām Manī‘īr (1990) *Hattā Yanta‘ir al-Insān Fī Ma‘rakatihī Ma‘a al-Jān*. Kaherah, Dār al-Basyr, h. 89.

³¹ Abī ‘Abd Allāh Mu‘ammad bin Yazīd al-Qazwīnī (al-Hāfiẓ) (2001), *Sunan Ibn Mājah*, cet. 1, Beirut, Lubnan: no. hadis. 3522, h. 533. (Beliau dilahirkan pada 209H dan meninggal dunia pada hari isnin 21 Ramadhan 273H. beliau juga mula mempelajari hadis sebelum 223H iaitu umurnya antara 15-20 tahun).

memeluk Islam, lalu Rasulullah s.a.w. menyuruh beliau meletakkan tangannya di tempat yang dia rasa sakit dan membaca بِسْمِ اللَّهِ الْكَرِيمِ iaitu “dengan nama Allah”

أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ sebanyak tiga kali dan disambung dengan doa

وَاحْذَرْ مَا لَمْ تَرَ وَاحْذَرْ مَا لَمْ تَرَ yang bermaksud “aku berlindung dengan kemuliaan dan kekuasaan Allah

daripada keburukan yang aku dapat dan yang aku khuwatir akan terjadi”

sebanyak tujuh kali.³²

b. Rawatan Secara *ÙabÈ‘iyyah*

Pada asasnya kaedah ini ialah merawati penyakit dengan menggunakan bahan bahan alam yang sedia maujud seperti air, garam, madu, habbatussaudÈ’ dan lain-lain. Sebagai contoh penggunaan garam dalam rawatan dan antara keistimewaannya ialah dapat dijadikan penawar bagi bisa, lebih-lebih lagi untuk menawar bisa sengatan kala. Antara contoh bentuk rawatan penyakit secara *ÙabÈ‘iyyah* ialah seperti berikut:

i. Penggunaan Madu

Rasulullah s.a.w. juga menganjurkan di kalangan sahabatnya supaya berubat dengan bahan maujud yang sememangnya dijadikan Allah sebagai ubat

³² Ùaha ‘Abd AllÈh al-‘AfÈfÈ, (1981). *Min WaÈÉya al-RasÈl s.a.w.* Juz. 1-10. Qahirah: DÈr al-TurÈth al-‘ArabÈ, h. 865. Lihat juga dalam Abu Husain Muslim Bin HajjÈj al-QusyairÈ al-NaisÈbÈrÈ (*ØaÍÈí MuslÈm*) (t.t.) , op. cit, j. 4, no. ÍadÈth. 2065, h. 146. Lihat dalam AbÈ ‘Abd AllÈh MuÍammad bin YazÈd al-QazwÈnÈ (*Sunan Ibn MÈjah*) (2001), no. ÍadÈth. 3522, KitÈb al-Ùubb, h. 533

seperti madu lebah yang dijadikan dos untuk merawat penyakit. Dalam satu *hadîth* daripada Qatîdah, daripada Abû Mutawakkil dan daripada Abû Sa‘îd:

أَنَّ رَجُلًا أتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَحِي يَشْتَكِي بَطْنَهُ فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَى الثَّانِيَةَ، فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ اللَّثَّالِثَةَ، فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا ثُمَّ أَتَاهُ، فَقَالَ: فَعَلْتُ فَقَالَ: صَدَقَ اللَّهُ وَكَذَبَ بَطْنُ أَحِيَكَ، اسْقِهِ عَسَلًا فَسَقَاهُ، فَبَرَأَ.³³

Terjemahannya:

“Bahawa seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. mengadu saudaranya sakit perut, lalu Baginda bersabda, minumkanlah dia madu (lelaki tersebut pulang dan memberi saudaranya minum madu), kemudian dia datang kembali (mengadu yang penyakit tersebut masih belum sembuh), sabda Nabi s.a.w. berilah dia minum madu, kemudian datang dia kali ketiga (mengadu perkara yang sama), maka sabda lagi Nabi s.a.w. minumkan dia dengan madu (dilakukannya), namun datang pula dia kali keempat, sesungguhnya telah aku lakukan (beri minum madu, tapi masih belum sebuh), lalu kata Nabi s.a.w.: Sesungguhnya Maha Benar Allah dan perut saudara mu itulah yang berdusta, dan disuruh juga beri minum madu, lalu diberinya dan setelah itu sembuhlah dia”.

ii. Penggunaan Air

Begitu juga apabila seseorang dihinggapi sakit demam, maka cara yang paling baik untuk merawatinya ialah dengan menggunakan air untuk menyejukkannya, sama ada dengan cara meminumnya dan mandi, atau boleh juga dilakukan sebagaimana yang disifatkan oleh Asmâ' binti Abû Bakr dengan cara merenjis air pada badan atau pakaian. Maka di sini jelas bahawa pengubatan Nabi s.a.w. bukan sahaja bergantung kepada doa semata-mata, kerana tabiat demam itu panas, sedangkan air pula tabiatnya sejuk, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْحَمَّى مِنْ فَيْحٍ جَهَنَّمَ
فَأَبْرُدُوهَا بِالْمَاءِ.³⁴

³³ Almad Bin ‘Alî Bin xajar al-‘Asqalânî (al-Hâfiż) (2000), *op. cit.*, h. 159.

³⁴ Ibid, no. Íadîth. 5733, h. 198.

Terjemahannya:

Daripada 'Ó'ishah (Ummu al-Mu'minÉn) r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: Adalah demam itu daripada wap (kepanasan) Jahannam. Oleh itu sejukkan dia dengan air."

c. Rawatan Secara Gabungan Kaedah 'IlÉhiyyah Dan ÚabÊ'iyyah

Melalui kaedah ini sebarang penyakit yang dirawati akan diubati dengan cara menggabungkan dua teknik pengubatan, iaitu dengan menjampi, mendoakan atau mengambil berkat dengan membaca ayat-ayat al-Quran pada bahan-bahan maujud yang dijadikan sebagai dos atau unsur luaran untuk menyembuhkan penyakit. Sebagai contoh pernah Rasulullah s.a.w. merawat dengan cara menggabungkan air, garam dan doa bagi menyembuhkan sakit kerana disengat kala jengking ketika Bagimda s.a.w. sedang solat, lalu Baginda s.a.w. mengubati sengatan tersebut dengan cara mendoakan sebuah bekas yang berisi air dan garam. Baginda memasukkan jari yang disengat itu ke dalam air garam tersebut lalu dibacanya surah al-Ikhlaâ' dan al-Mu'awwidhatain hingga sembah.

حَدَّيْثٌ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي إِذْ سَجَدَ فَلَدَعَتْهُ عَقْرُبٌ فِي أَصْبُعِهِ فَانْصَرَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ "لَعَنَ اللَّهِ الْعَقْرُبِ مَا تَدَعُ نَبِيًّا وَلَا عَيْرَةً قَالَ ثُمَّ دَعَ بِإِنَاءٍ فِيهِ مَاءً وَمِلْحًا فَجَعَلَ يَضْعُ مَوْضِعَ اللَّدْعَةِ فِي الْمَاءِ وَالْمِلْحِ وَيَئُرُّ فَلَمْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَلَا مُعَوَّذَتِينَ حَتَّى سَكَنَ³⁵

Terjemahannya:

Daripada Abdullah bin Mas'ud: Suatu hari ketika sedang solat Rasulullah s.a.w. disengat kalajengking di masa Baginda s.a.w. sujud pada jari tangannya, lalu Rasulullah s.a.w. keluar dan berkata: Semoga Allah melaknat kalajengking kerana dia tidak dapat membezakan antara Nabi dan bukan (nabi). Kemudian Baginda (mengubati sengatan tersebut dengan cara) mendoakan sebuah bekas yang berisi air dan garam.

³⁵ AbÊ 'Abd. al-RaÍmÉn MuÍammad Shamsul xaq al-'AÐÉm AbÉdÊ, (2005). 'Aun al-Ma'bËd 'AlÉ SyarÍ Sunan AbÊ DÉwËd. KitÉb al-Ùibb, Beirut: DÉr Ibn xazm, h. 271.

Baginda memasukkan jari yang disengat itu ke dalam air garam tersebut lalu dibacanya surah al-Ikhlaâ' dan al-Mu'awwidhatain hingga sembah.

d. Rawatan Secara Jampi

Ada ketikanya Rasulullah s.a.w. akan merawat penyakit dengan kaedah *Ruqyah* (menjampikan) pesakit tersebut atau meminta di kalangan sahabatnya yang mempunyai kebolehan merawat dengan cara menjampi pesakit yang datang kepada Baginda s.a.w sebagaimana *Iadâ'ah*.

أَرْجَحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُقْبَةِ الْحَيَّةِ لَبْنِي عُمَرَ بْنَ حَزْمٍ ، وَلَدَعَتْ رَجُلًا مِنَّا خُنُّ خُلُوسًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقْرَبًا ، فَقَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَرْقِي ؟ قَالَ : مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَتَقَعَّدْ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ .³⁶

Terjemahannya:

Rasulullah s.a.w. telah memberi rukhsah kepada kepada Bani 'Amru bin azmin dalam meruqyah (jampi) gigitan ular. Semasa kami duduk bersama Rasulullah s.a.w. seorang lelaki di kalangan kami telah disengat (gigit) kala, lalu berkata seorang lelaki: Wahai Rasulullah apakah boleh aku menjampikannya?. Berkata Baginda: Sesiapa antara kamu yang mampu menolong saudaranya, maka perbuatkanlah.

Walau bagaimanapun di sini penulis hanya membawa satu contoh bacaan jampi yang menjadi amalan Rasulullah s.a.w. sendiri memandangkan bacaan jampi tersebut merupakan antara bacaan yang terdapat di Darussyifa'. Contohnya jampi bagi merawat sakit luka sebagaimana *hadâ'ih* yang diriwayatkan oleh SaidatinÉ 'Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. akan meletakkan jari telunjuknya di tanah dan mengangkatnya seraya berkata:

³⁶ 'Abd al-Râ'îm bin 'Ali al-Mâ'rîf, (t.t.), *op. cit.*, j. 3, Kaherah, h. 158.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَرْضِنَا بِرِيقَةَ بَعْضِنَا يُشْفَى سَقِيمُنَا بِإِذْنِ رَبِّنَا³⁷

Terjemahannya:

Dengan nama Allah, tanah negeri kami dengan air ludah sebahagian daripada kami, sembuhlah penyakit ini dengan izin Tuhan kami.

e. Rawatan Secara Teknologi

Melihat kepada suasana hidup dan perkembangan ilmu serta ketamadunan di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, maka penulis mengkategorikan dua bentuk perubatan yang ada diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya sebagai sebagai pengubatan berteknologi, kerana penggunaan alat-alat tertentu secara khusus seperti besi dan api selain bacaan doa atau jampi dan kaedah rawatan tersebut ialah:

i. Rawatan Melalui Kaedah Berbekam

Memandangkan darah juga merupakan punca utama kepada berlakunya penyakit terhadap seseorang apabila ia sudah tidak berfungsi untuk tubuh yang akhirnya ia bertukar kotor atau racun (toksin), seterusnya kecergasan badan akan terhakis dan tidak boleh bertahan lagi.³⁸ Justeru ada ketikanya dalam melakukan pengubatan Rasulullah s.a.w. juga melakukan rawatan dengan cara *membuang darah kotor dalam badan* (berbekam) yang menjadi punca datangnya penyakit terhadap seseorang³⁹ dan ia merupakan antara rawatan yang paling baik mengikut

³⁷ Abū ‘Abd Allāh Mu‘ammad bin Ismā‘il (1987), *op. cit.*, j. 5, no. hadis: 5413, Kitab al-Ūibb, h. 2168.

³⁸ Hj. Ibrahim Mokhsen (t.t.). *Merawat Penyakit Secara Bekam*. Kajang, Pusat Rawatan Bekam al-Yakin. (Risalah pusat rawatannya).

³⁹ Aiman Bin Abdul Fattah (2008), *op. cit.*, h. 187.

saranan Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabda Baginda s.a.w. yang diriwayatkan oleh AbÊ Hurairah r.a.:

إِنْ كَانَ فِي شَيْءٍ مِّمَّا تَدَاوَيْتُمْ بِهِ خَيْرٌ فَالْحِجَامَةُ⁴⁰

Terjemahannya:

Seandainya dalam sesuatu yang kamu lakukan untuk berubat itu adalah baik. Maka hal tersebut (berubat) adalah bekam.

ii. Rawatan Melalui Kaedah Pemanasan Besi Panas

Rawatan dengan cara melakukan pemanasan dengan besi panas di tempat sakit adalah satu cara yang pernah dilakukan di zaman Rasulullah s.a.w., namun ia bukanlah kaedah perubatan yang utama diamalkan kecuali apabila perlu sahaja. Sehinggakan kaedah perubatan ini menjadi perbahasan di kalangan ulama, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الشَّفَاءُ فِي ثَلَاثَةِ فِي
شَرْطَةٍ حُمْجِمٍ أَوْ شُرْبَةٍ عَسْلٍ أَوْ كَيْتَةٍ بِنَارٍ وَأَنَّهُ أَمَّتِي عَنِ الْكَيِّ⁴¹

Maksudnya:

Daripada Ibn Abbas r.a. daripada Nabi s.a.w. “Kesembuhan penyakit itu adalah dengan melakukan tiga hal iaitu berbekam, minum madu dan melakukan pemanasan dengan besi panas. Tetapi aku milarang umatku (mengubat) dengan besi panas.

Beberapa contoh penggunaan bacaan, bahan dan kaedah yang Rasulullah s.a.w. lakukan dalam rawatan penyakit di masa hidupnya sebagaimana yang penulis kemukakan di atas itulah yang menjadi amalan dan panduan bagi Darussyifa' dalam merawati

⁴⁰ AbÊ ‘Abd AllÊh MuÍammad bin YazÊd al-QazwinÊ(2001), *op. cit*, no. ÍadÊth 3476, KitÊb al-Ùibb, bÊb al-xijÉmah, hlm. 527.

⁴¹ Ibid.

penyakit. Inilah satu budaya yang amat disenangi Allah dan merupakan ajaran-Nya sebagaimana firman-Nya.

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأَمِينَ الَّذِي تَحِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالِّإِنجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَحْلُّ لَهُمُ الظَّيْبَاتِ وَتُحْرَمُ عَلَيْهِمْ
الْحَبَائِثُ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَاهُمْ وَالْأَغْلَلُ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ
وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (157)

al-A'raf (7): 157

Terjemahannya:

(yaitu) orang-orang yang mengikuti rasul, nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'ruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka Itulah orang-orang yang beruntung.

2.3. Konsep Perubatan Islam

Sesiapa sahaja yang ingin merasai kebahagiaan hidup di dunia dan terus mengecapinya sampai ke akhirat hendaklah berada dalam lingkungan Islam dengan menghayati segala penerapan nilai yang terkandung dalam ajarannya, kerana ia merupakan agama yang shumul lagi sempurna dan yang lebih penting ia adalah agama yang datang daripada Allah s.w.t. Justeru sebagai khalifah yang layak merealisasi kesyumulan dan kesempurnaan ajaran Islam, maka Allah memerintahkan setiap mukmin wajib berada di dalamnya, sebagaimana firman-Nya.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوْا فِي الْسِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوْا خُطُوْتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ

لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ (208)

al-Baqarah (2): 208

Terjemahannya:

Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu menuruti jejak langkah Syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

Islam juga tidak sekali-kali boleh menerima konsep pengasingan terhadap seluruh unsur pokok dalam agama Islam seperti akidah, syariat dan akhlak (tasawuf) serta cabang cabang yang terhasil daripadanya. Ia tidak seperti fahaman agama ciptaan manusia yang mengasingkan antara prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya. Begitulah juga Islam juga tidak akan menerima sebarang campur aduk sama ada dalam bentuk prinsip, falsafah, muamalah dan sebagainya dengan ideologi agama lain, ini jelas melalui peringatan-Nya Allah s.w.t. berfirman:

وَمَن يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَمِ دِيَنًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ (85)
Ali-'Imrān, 3: 85

Terjemahannya:

Sesiapa yang mencari agama lain, selain agama Islam. Maka tidak akan diterima (oleh Allah akan agama itu), dan di akhirat dia termasuk ke dalam golongan orang-orang yang rugi.

Begitu juga dalam ilmu perubatan. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memberi petunjuk mengenai pelbagai cara yang perlu diambil bagi menangani serangan penyakit yang bermacam bentuk. Sama ada penggunaan jenis ubat atau penggunaan kaedah, malah Baginda tidak pula menghalang para pesakit daripada menggunakan ubat-

ubatan lain yang ternyata berkesan bagi menyembuhkan penyakit dan Baginda s.a.w. juga selalu mengingatkan para sahabatnya supaya mendapatkan rawatan daripada tabib-tabib yang paling mahir serta yang paling baik,⁴² seperti *ÍadÊth* yang telah diriwayatkan oleh JÉbir bin ‘Abd AllÉh r.a. katanya:

أَرْجَحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُقْبَةِ الْحَيَّةِ لَبْنِ عُمَرَ بْنِ حَزْمٍ ، وَلَدَعَتْ جُلُوْسًا
مِنَّا نَحْنُ جُلُوسًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقْرَبًا ، فَقَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَلَا رَقِيَ
؟ قَالَ : مَنْ أَسْطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعُلْ .⁴³

Terjemahannya:

Rasulullah s.a.w. telah memberi rukhsah kepada kepada Bani ‘Amru bin azmin dalam meruqyah (jampi) gigitan ular. Semasa kami duduk bersama Rasulullah s.a.w. seorang lelaki di kalangan kami telah disengat (gigit) kala, lalu berkata seorang lelaki: Wahai Rasulullah apakah boleh aku menjampikannya?. Berkata Baginda: Sesiapa antara kamu yang mampu menolong saudaranya, maka perbuatkanlah.

Sebelum dibincang dengan lebih jauh mengenai konsep perubatan Islam, maka melalui bab ini akan dibincangkan mengenai maksud perubatan daripada beberapa sudut takrifan, supaya satu definisi yang paling sesuai atau tepat dapat dihasilkan serta memudahkan pemahaman terhadap perbincangan beberapa isu yang berkaitan dengannya.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, perubatan atau pengubatan adalah perihal yang berkaitan dengan ubat dalam usaha mengubati atau menyembuhkan penyakit.⁴⁴ Manakala dalam bahasa arab perubatan diungkap dengan *al-Ùibb* yang

⁴² ÁÍmad ÙÉhÉ (1983), *op. cit.*, h. 23.

⁴³ ‘Abd al-RaímÉn bin ‘Ali al-Ma’rEf, (t.t.), *op cit.*, j. 3, Kaherah, h. 158.

⁴⁴ (1993). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1422.

membawa maksud merawat dan mengubat tubuh badan serta jiwa,⁴⁵ yang berasal dari kata dasarnya *Iababa* (طَبَّبَ) dan kata terbitannya ialah *al-Ùibb* (الْطِبْ).⁴⁶

Dalam bahasa Inggeris perubatan diistilahkan *therapeutics* yang bermaksud satu percubaan atau penumpuan usaha perubatan untuk merawat penyakit.⁴⁷

Berbeza dengan pandangan Ibn Sina mengenai takrifan perubatan yang agak luas iaitu satu ilmu mengenali kesihatan dan kesakitan keadaan tubuh badan manusia yang bertujuan untuk menjaga dan berusaha memulihkannya apabila ia hilang.⁴⁸

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation) WHO memaksudkan bahawa kesihatan adalah kesejahteraan yang sempurna meliputi segenap aspek fizikal, mental dan sosial (pengertian ini termaktub pada 1948 di Alma Ata Russia). Bukan semata-mata bebas daripada penyakit.⁴⁹

Sebagai rumusan takrifan terhadap perubatan bahawa ia merupakan satu ilmu yang menggunakan berbagai kemahiran kaedah dan bahan dalam usaha mensejahtera serta mengekalkan kesihatan dan memulihkannya apabila ia telah terganggu dengan

⁴⁵ Ibrahîm Muñafî, AÍmad Hassan al-Ziyât, xÉmid ‘Abd al-Qâdir, MuÍammad ‘Ali al-Najjâr (1989) *al-Mu’jam al-Wâsî’*. Istanbul: Dâr al-Dâwah, h. 549.

⁴⁶ Al-Khalâlî al-Nâfi (1991). *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Mayassir*. Syarikat Larus h. 308.

⁴⁷ George Ostler, (1986). *The Little Oxford Dictionary*, Oxford At The Clarendon Press, h. 308.

⁴⁸ Abû ‘Alî al-Hussain Ibn ‘Alî Ibn Sinâ (t.t). *al-Qur’ân Fî al-Ùibb*, J. 1. Kaherah: Muassasah al-Halabâ, h. 1.

⁴⁹ Azlan Abdul Rahman (2008), “Jaga Kesihatan Cara Rasulullah”. *Majalah al-Islam*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Penerbit Utusan Karya Sdn. Bhd., (keluaran April), h. 66. Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang (1999), *Konsep Dan Operasi Perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefaman Islam Malaysia, h. 3.

bebanan kesakitan, sama ada dari sudut rohani, jasmani juga sosial. Justeru ia merupakan satu pandangan yang menepati konsep kesihatan yang digariskan oleh Islam dengan meliputi aspek kemanusiaan yang terdiri daripada aspek jasmani, rohani mental dan sosial.⁵⁰ Oleh itu dapatlah ditegaskan bahawa secara keseluruhan pengubatan Islam merupakan satu bidang atau amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan yang mana di dalamnya terkandung paradigma, konsep, nilai dan tatacara yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.⁵¹ Inilah satu pengertian yang menepati konsep kesihatan yang telah digariskan oleh Islam sejak beberapa abad yang lampau.⁵²

Berasaskan hakikat ini jelas sekali bahawa Islam menolak sama sekali kesilapan persepsi umat Islam yang hanya menekankan kepada kesihatan jasmani semata-mata dengan mengabaikan aspek kesihatan mental dan kerohanian. Begitu juga, Islam menolak pandangan sebahagian umat Islam yang hanya menitik beratkan kesihatan rohaninya sahaja tanpa mengambil kira kesihatan jasmaninya. Ini disebabkan Islam adalah agama yang seimbang dalam urusan duniaawi dan ukhrawi.⁵³

2.4. Matlamat Perubatan Islam

Sudah menjadi lumrah dalam melaksanakan apa jua program atau agenda, matlamat hendaklah dijadikan perkara pokok, dan Islam itu sendiri adalah agama yang

⁵⁰ Mohd Muhiden Abd. Rahman (1996), *al-Tibb al-Nabawi Satu Pengenalan*. Subang Jaya: Penerbit al-Ramadhan, h. 2

⁵¹ Abu Bakar Abdul Majeed dan Abu Bakar Yang (1999), *op. cit*, h. 63.

⁵² Mohd Muhiden Abd. Rahman (1996), *op.cit.*, h. 2.

⁵³ Azlan Abdul Rahman (2008). *op. cit.*, majalah al-Islam. (keluaran April), h. 66.

bermatlamat, dan matlamatnya amat jelas iaitu untuk kesejahteraan, kebahagiaan, kerukunan manusia sepanjang hidup di dunia hingga ke akhirat.

Setelah melihat kepada pentakrifan sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, dapatlah difahami bahawa pengubatan Islam juga tidak boleh tidak mesti mempunyai matlamat, manakala matlamatnya juga mestilah tidak terseleweng daripada matlamat yang terkandung dalam Islam itu sendiri iaitu untuk kesejahteraan hidup manusia dunia dan akhirat dan matlamat itu dibina dengan menjaga kesihatan terhadap dua unsur iaitu:

- i. Setiap umat Islam sepatutnya membina dan menjaga kesihatan fizikal dengan sebaik mungkin, kerana dengan kesihatan itu akan digunakannya untuk membangun tamadun Islam, memacu kejayaan dan menjaga keamanan negara.⁵⁴
- ii. Membina akal yang cerdas, maka melalui kecerdasan ini membolehkan seseorang itu berfikir serta merancang demi masa depan Islam.⁵⁵

Jelaslah bahawa matlamat pengubatan Islam secara tepatnya adalah untuk mewujudkan individu-individu yang bersih jiwa, cerdas dan sihat pemikirannya serta sihat tubuh badannya, di samping mewujudkan persekitaran yang selamat, bersih serta cara hidup yang suci. Semua ini dilakukan semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. dengan menggunakan pendekatan yang selamat dan halal. Harus disedari juga bahawa penekanan rawatan terhadap penyakit-penyakit fizikal semata-mata

⁵⁴ Amina Hj. Noor (2001), *Hikmah Menjaga Kesihatan Diri*. Selangor: Darul Iman Sdn. Bhd., h. 3.

⁵⁵ Ibid.,

bukanlah matlamat utama dalam perubatan Islam, kerana penumpuan terhadap pengubatan fizikal semata-mata hanya dapat melahirkan satu generasi yang sihat zahirnya, tetapi rosak jiwa dan pemikirannya. Generasi yang tidak seimbang hanya akan menggunakan kesihatannya bagi melakukan kemaksiatan kepada Allah s.w.t.⁵⁶ maka wujudlah unsur kefasikan dan kefasidan di muka bumi yang boleh mengundang kemurkaan dan bencana daripada Allah. Sebagaimana firman Allah s.w.t..

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَيْ أُمَّمٍ مِّنْ قَبْلِكُمْ فَأَخْذَنَاهُمْ بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ (42)
al-An’Ém (6): 42

Terjemahannya:

Dan Sesungguhnya kami Telah mengutus (rasul-rasul kami) kepada umat-umat yang sebelum kamu, kemudian kami siksa mereka dengan (menimpaikan) kesengsaraan dan kemelaratan, supaya mereka memohon (kepada Allah) dengan tunduk merendahkan diri.

Secara ringkasnya yang dimaksudkan dengan kemelaratan dan kesesengsaraan dalam ayat di atas ialah tidak ada hasil bumi dan ditimpa dengan bermacam penyakit, hati tidak merasai ketenteraman dan keamanan, sentiasa dihimpit ketakutan.⁵⁷

Berasaskan penilaian dan penafsiran ringkas terhadap ayat 42 daripada surah al-An’Ém sebagaimana di atas, maka melalui disertasi ini, dapatlah ditegaskan bahawa ujian kesakitan sama ada pada fizikal atau mental yang dikenakan oleh Allah adalah supaya setiap hamba-Nya kembali tunduk merendah diri kepada-Nya dengan penuh kesedaran, bahawa ujian kesakitan itu juga adalah berpunca daripada kasih dan sayang Allah yang terzahir daripada sifat *al-RaÍmÉn* dan *al-RaÍÉm*. Walaupun nampak semacam datang

⁵⁶ Danial Zainal Abidin (2009), *op. cit.*, h. 8-9.

⁵⁷ Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1999), *op. cit.*, jld.3, h. 2022-2023.

dari pada kemarahan-Nya, tetapi sebenarnya Dia mahu semua hamba-Nya setiap ketika dan hari menghadap kepada-Nya.⁵⁸

Inilah kehebatan Allah s.w.t. menguji manusia dengan berbagai ujian adalah semata-mata untuk mengangkat kesempurnaan serta taraf kemampuan manusia itu sendiri dan semakin tinggi, semakin mulia, semakin sempurna, semakin berkedudukan, semakin berpangkat, semakin berilmu dan berkemampuan maka makin besar jugalah ujiannya. Namun Allah dengan *Raímén* dan *Raíém*-Nya telah menyediakan petunjuk *'Iléhi* supaya menjadi guna buat buat manusia melepaskan diri daripada ujian itu.⁵⁹ Sebagaimana firman-Nya:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ أَعْزِيزُ الْغَفُورِ (2)

al-Mulk (67): 2

Terjemahannya:

Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. dan dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

2.5. Prinsip Pengubatan Islam

Berdasarkan Islam adalah agama suci yang punyai prinsip cukup jelas iaitu kebahagiaan manusia dibina atas dasar tidak memisahkan hubungan manusia dengan Tuhan. Maka kesan penerapan nilai tersebut (tidak memisahkan manusia dengan Allah) secara langsung terkesan juga kepada prinsip pengubatan Islam yang dapat dibentuk di atas tiga unsur yang amat berkait rapat antara *Khéliq* (Allah) dan *makhliq*-Nya (manusia) iaitu.

⁵⁸ Muchtar Lintang (Prof) (t.t). *Hikmat al-Fatihah*. Kuala Lumpur, Pancaran Ilmu, h. 12-14.

⁵⁹ Haron Din (Dr.) (1988). *Manusia & Islam*, cet. Ketiga, Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 20-21.

i. Sesungguhnya prinsip pengubatan Islam hendaklah berpaksikan di atas unsur akidah yang mantap, bahawa Allah s.w.t. yang bersifat dengan *al-KhÉliq* yang Maha mencipta dan menjadikan sesuatu, dengan kehendak dan keizinan-Nya juga berlakunya sesuatu sama ada memberi manfaat atau menolak mudarat dan segala yang selain daripada-Nya tidak punyai apa-apa upaya.⁶⁰ Oleh itu para pengamal perubatan Islam hendaklah mempunyai keyakinan yang sepenuh hati bahawa Allah pasti menerima doa dan harapannya dalam proses memberi rawatan,⁶¹ kerana tiadalah penyembuhan melainkan dengan penyembuhan-Nya, tiadalah afiat melainkan dengan pengafiatan-Nya, dan Dialah jua yang dapat menghilangkan sebarang bahaya serta kesukaran dengan kekuatan dan keupayaan-Nya.⁶²

ii. Pengubatan Islam juga harus berprinsip di atas unsur tasawwuf (akhlik murni) dengan mendidik pesakit supaya menumpukan segala isi hati dan menumpahkan segala perasaan dengan penuh ikhlas hanya kepada Allah, kerana penumpahan isi hati kepada makhluk walaupun keluarga sendiri atau siapa sahaja belum tentu memuaskan. Lantaran manusia biasa yang masing-masing punyai kekurangan dan hanya mampu merasai sakit diri masing-masing, maka aduan kesakitan tidak disambut dengan penuh perasaan.⁶³ Oleh itu dengan penyerahan secara total seseorang hamba kepada tuannya (Allah s.w.t.) dengan sepenuh hati

⁶⁰ Rushdi Ramli (Dr) (2003). *Azimat, Jampi, Sihir & Berubat Menurut Islam*. Petaling Jaya, Intel Multimedia And Publication, h. 2.

⁶¹ Amran Kasimin (Dr), Dato' Haron Din (Dr) (1997). *Doa & Rawatan Penyakit*. Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 13.

⁶² Abi al-Fadaa' Muhammad, *op. cit.*, h. 9.

⁶³ Muchtar Lintang (Prof.) (t.t). *op. cit.*, hlm. 16.

dan kecintaan, sudah pasti akan tersemat keyakinan serta menyedari bahawa tuannya tidak melakukan sesuatu kecuali ada hikmah Ilahiyyah di sebaliknya. Maka akan tenteramlah hatinya serta terhindarlah dia daripada perasaan cemas dan bimbang.⁶⁴Dengan itu akan menjadikan seseorang itu makin hampir dengan Allah dan Allah juga akan lebih mengasihinya serta akan memberi kekuatan pada jasad dan rohnya lantaran dia telah menjadi kekasih Allah.⁶⁵Sebaliknya jika imannya tidak dijaga, amalan tidak dikerja, akan sakitlah rohnya dan kesannya dia akan mengalami bermacam penyakit yang berkaitan dengan jiwa.⁶⁶

iii. Seterusnya prinsip perubatan Islam juga dapat diakui apabila segala yang terkandung dalam lingkungan perubatan Islam itu berada di bawah naungan landasan *syariat* yang memenuhi dua syarat, iaitu ikhlas serta menepati tuntutan petunjuk Rasulullah s.a.w.. Maka dengan itu ada batasan-batasan tertentu yang dibenarkan dalam merealisasikan amalan pengubatan Islam, sama ada menggunakan kaedah-kaedah tertentu atau ubat-ubatan. Ini sekali gus meninggalkan prinsip menghalalkan cara yang jelas bercanggah dengan landasan Islam.⁶⁷

Penilaian ketiga-tiga unsur prinsip pengubatan Islam di atas dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t.

⁶⁴ ‘Abd al-SalĒm Makram (Dr) (1990). *AthĒr al-‘AqĒdah BinĒ’ al-Fard Wa al-Mujtama’* . Wildan Farhani (terj.) Kuala Lumpur, Pustaka al-Mizan, hlm. 59.

⁶⁵ Amran Kasimin (Dr) (2002). *Memperkasakan Diri*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan, h. 5.

⁶⁶ Ibid., h. 6.

⁶⁷ Danial Zainal Abidin, *op. cit.*, h. 9.

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِنِي (78) وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِيْنِ (79) إِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ يَشْفِيْنِ (80) وَالَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ تُحْيِيْنِ (81) وَالَّذِي أَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ لِي حَطَبَيَّتِي يَوْمَ الْدِينِ (82)

al-Shu‘arÉ’ (26): 78-82

Terjemahannya:

(Dialah Tuhan) yang telah menciptakan aku, maka dialah yang menunjuki aku, dan Dialah Tuhan yang memberi makan dan minum kepadaku, dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku dan yang akan mematikan aku, kemudian akan menghidupkan aku (kembali), dan yang amat aku inginkan akan mengampuni kesalahanku pada hari kiamat.

2.6. Hukum Mempelajari Bidang Perubatan

Sebagai agama unggul dan tinggi akan segala nilai yang terkandung di dalamnya maka diperintah kepada sekelian penganutnya supaya menjadi orang menuntut ilmu yang bermanfaat, kerana kedudukan ilmuan itu cukup mulia di sisi Allah dan bukan sedikit dalil-dalil daripada al-Quran atau *ÍadÊth* dalam mengangkat muslim yang bermujahadah dengan ilmu. Sebagaimana yang dinaqalkan oleh MuÍammad JamÉl al-DÊn al-QÉsimÊ daripada kata-kata FatÍ al-MËîlÊ r.m.t.: “*Sesungguhnya hati yang tidak diberi makan dengan hikmah dan ilmu pengetahuan selama tiga hari akan matilah ia sebagaimana orang sakit tidak diberi ubat.*”⁶⁸ Manakala punca atau modal segala ilmu dan setiap aturan yang ditetapkan Allah untuk hamba-Nya ialah al-Quran al-Karim yang diturunkan sebagai panduan bagi pelbagai bidang ilmu yang terkandung di dalamnya, termasuklah ilmu yang berkaitan dengan alam seperti ilmu perubatan atau kedoktoran, farmasi (ubatan, makanan yang berzat), terapi penyembuhan dan pertahanan diri daripada

⁶⁸ MuÍammad JamÉl al-dÊn bin MuÍammad Sa‘Ed bin QÉsim (1995/1415H). *Mau’iDah al-Mu’miN* Min HiyÉ’ UlÉm al-DÊn. J. 1, DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 14.

serangan penyakit. Sesungguhnya ini adalah antara ilmu yang berkait rapat dengan fitrah.⁶⁹

Berasaskan keutamaan ilmu Islam sebagai cara hidup yang sempurna maka telah dibahagikan dasar ilmunya kepada dua bahagian iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Berkaitan dengan ilmu perubatan pula Ibn Khaldun berpendapat ia suatu yang sangat penting di semua tempat kerana faedahnya sangat besar iaitu dapat menjaga kesihatan dan menghapuskan penyakit dengan cara mengubatinya.⁷⁰

Melihat kepada keperluanya maka al-Imám al-Ghazálí berpandangan bahawa mempelajari ilmu perubatan termasuk dalam fardu kifayah. Baginya setiap ilmu untuk membangunkan dunia termasuk ilmu perubatan sekali-kali tidak boleh diketepikan, lantaran kepentingannya adalah untuk memelihara badan manusia. Katanya lagi bahawa Allah yang menurunkan penyakit, Dia jugalah yang menurunkan ubat dan memberi petunjuk cara menggunakan serta menyediakan sebab-sebab untuk merawatinya. Oleh itu amatlah ditegah meletakkan diri dalam kebinasaan dengan mensia-siakan ubat-ubatan itu dan berdosalah mereka yang membiarkan dirinya dalam kebinasaan sebagaimana firman-Nya.

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّحْكُمِ” (195)

al-Baqarah (2): 195

Terjemahannya:

“.....Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu kepada kebinasaan.....”

⁶⁹ Jamaluddin Mahran (Dr.), Abdul ‘Azim Hafna Mubasyir (Dr.) (2005) *op. cit.*, h. 88.

⁷⁰ Abu Zaid ‘Abd. Rahmán bin Muhammad bin Khaldún al-Háramán (1979), *Taríkh Ibn Khaldún*, jld. 1. Beirut: Muassah Jammal li al-Tibá’ah Wa al-Nashr, h. 346. (Terkenal dengan panggilan “Ibn Khaldun” lahir pada 27 Mei 1332/732H di Tunis dan meninggal di Cairo pada 19 Mac 1406/808H).

Maka apabila ada seseorang Islam yang menuntut ilmu tersebut dan melaksanakannya, yang demikian itu sudah memadai dan orang lain akan terlepas daripada berdosa.⁷¹ Justeru untuk melepaskan masyarakat Islam daripada dosa perlulah ada individu atau kelompok muslim mempelajari dan beramal dengannya. Jelaslah di sini sekiranya ilmu perubatan tidak dituntut dan tidak diamalkan dalam sesbuah masyarakat maka pincanglah masyarakat tersebut dan berdosalah seluruh masyarakat itu kerana telah wujud kecuaian.⁷² Lantaran itu Allah berpesan melalui firman-Nya.

وَمَا كَارَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَفِرُّوْا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فَرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوْا
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوْا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ تَحَذَّرُوْنَ (122)

al-Taubah, 9: 122

Terjemahannya:

Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.

2.7. Hukum berubat dengan Bahasa Selain al-Quran dan *xad̄Eth*

Dalam usaha merawati penyakit, pelbagai kaedah digunakan oleh para pengamal perubatan tradisional mengikut sistem pembelajaran masing-masing, ada yang melalui jampi, mentera, doa, urutan dan tidak kurang juga yang menggunakan bahan semulajadi alam. Namun melalui disertasi ini, kaedah pengubatan dengan selain *al-Qurān* dan *al-xad̄Eth* penulis memasukkan di bawah istilah *jampi* (ruqyah), kerana ia lebih dikenali pada penggunaan bahasa dan lebih mudah untuk difahami perbahasannya. Konsep

⁷¹ Al-Ghazālī, Muīammad bin Muīammad bin Muīammad bin Aīmad Abī Émid al-Ghazālī (t.t). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: DÉr al-Ma‘rifah, h. 84.

⁷² Danial Zainal Abidin (2009), *op. cit.*, h. 8

asasnya jampi atau mentera ialah ayat-ayat pelindung yang digunakannya sebagai jampi kepada orang sakit dan seumpamanya,⁷³ manakala menurut pengertian bahasa Melayu ialah perkataan atau ucapan tertentu sebagai usaha permohonan untuk kesembuhan penyakit,⁷⁴ lebih-lebih lagi permohonan itu dituju terus kepada Allah yang mampu memenuhi segala permintaan dan inilah kelebihan doa yang secara langsung membuktikan kebesaran dan kekuasaan Allah,⁷⁵ sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا عَلَى الْأَرْضِ مُسْلِمٌ يَدْعُو اللَّهَ تَعَالَى بِدَعْوَةٍ إِلَّا

آتَاهُ اللَّهُ إِيَّاهَا ، أَوْ صَرَفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهَا ، مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ ، أَوْ قَطِيعَةٍ رَحِيمٌ .⁷⁶

Terjemahannya:

Tiadalah seorang muslim di bumi ini yang memohon kepada Allah dengan suatu permohonan, melainkan permohonannya itu akan dikabulkan Allah, atau diajukan Allah daripadanya sesuatu kejahanan, selama dia tidak memohon sesuatu yang membawa dosa atau memutuskan tali kasih sayang antara keluarga.

Apabila kaedah pengubatan Islam dilakukan dengan penggunaan jampi atau mentera, maka secara langsung ia tidak boleh dipisahkan dengan prinsip hukum. Pada dasarnya hukum melakukan pengubatan melalui jampi dengan ayat-ayat al-Quran adalah harus dan sah pada syarak, walaupun ada sedikit perselisihan dalam memahami apakah ayat al-Quran itu penawar kepada batin sahaja atau zahir dan batin sekali. Namun yang jelasnya mereka tetap berpegang bahawa ayat-ayat al-Quran itu semuanya adalah

⁷³ Ibrahîm Muâlfaf É, AÍmad Hassan al-Ziyâr, xÉmid ‘Abd al-QÉdir, Muáammad ‘Ali al-Najjâr (1989), *op. cit.*, h. 367.

⁷⁴Kamus Dewan., *op. cit.*, h. 473-474.

⁷⁵ Abu Hassan Din al-Hafiz, (2001). *Kemanisan 100+1 Doa*. Petaling jaya, OMMO Publisher, h. 13-19.

⁷⁶ Muáammad bin ‘Isâ Abî ‘Isâ al-Tirmidhî, (t.t). al-JÉmi’ al-ØaÍÉI Sunan al-Tirmidhî, j. 5, no ÍÉdâth. 3573, Kitâb al-Da’awât. Beirut: DÉr IÍyÉ al-Turâth., h. 280.

penawar kepada penyakit yang menghinggapi manusia. Oleh itu untuk menyelamat umat Islam daripada terjerumus dalam kesyirikan, para ulama telah meletakkan beberapa syarat untuk melakukan jampi.

Untuk itu penulis menyenaraikan syarat jampi kepada lima syarat mengikut pandangan ulama yang telah membahaskannya.

- i. Adalah ruqyah atau jampi yang dilakukan dalam pengubatan hendaklah dengan menggunakan kalimah-kalimah Allah sebagaimana terdapat pada amalan Nabi s.a.w. melalui riwayat Ibn ‘Abbas r.a. katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْخَسَنَ وَالْخَسِينَ يَقُولُ أَعِيدُكُمَا بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّائِمَةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَّهَامَةٍ .⁷⁷

Terjemahannya:

Adalah Rasulullah s.a.w. melindungi Hasan dan Husain dia berkata aku melindungi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada sekalian syaitan dan kecelakaan dan dari segala penyakit yang tercela..

- ii. Jampi juga boleh dilakukan oleh para pengamal pengubatan Islam dengan menggunakan nama-nama Allah yang dikira sesuai dengan sesuatu yang ingin dimohon atau yang diharap, kerana bermohon dengan bertawasul kepada keberkatan nama-Nya merupakan cabangan ajaran Allah. Melalui firman-Nya Allah berpesan:

⁷⁷ ÁÍmad bin Shu’áib AbÉ Abd. RahmÉn al-NasÉÊ (1991/1411H) *Sunan al-NasÉÊ ak-KubrÉ*, j.4, no. 1167. KitÉb al-Ùubb, Beirut: DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 396.

وَإِلَهُ الْأَكْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ هَا وَذُرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سُبْجُزُونَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (180)

al-A'raf, :180

Terjemahannya:

Hanya milik Allah asma al-husna (*nama-nama yang Agung yang sesuai dengan sifat-sifat Allah*), Maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut asma al-husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-namaNya (janganlah dihiraukan orang-orang yang menyembah Allah dengan nama-nama yang tidak sesuai dengan sifat-sifat dan keagongan Allah, atau dengan memakai asmā' al-Íusnā, tetapi dengan maksud menodai nama Allah atau mempergunakan asmā' al-Íusnā untuk nama-nama selain Allah). Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

iii. Menjampi penyakit dengan bersandarkan kepada sifat-sifat Allah yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, di mana tidak dapat dinafikan bahawa segala perkara dan peristiwa yang berlaku di alam ini semuanya mengandungi kesan atau *athar* daripada sifat Allah,⁷⁸ yang pada dhat-Nya terdapat sifat qudrat yang mampu mengada dan mengekalkan sesuatu atau meniada serta menghilangkannya.⁷⁹ Sebagaimana Allah s.w.t. berfirman:

وَاللَّهُ خَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّنْ مَاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ
رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ تَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
(45)
al-Nur, 24: 45

Terjemahannya:

Dan Allah Telah menciptakan semua jenis haiwan dari air, maka sebahagian dari haiwan itu ada yang berjalan di atas perutnya dan sebagian berjalan dengan dua kaki sedang sebagian (yang lain) berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan

⁷⁸ Mohd Sulaiman Yasin, (1997). *Aqidah Muslim 1(Mengenal Allah)*, Bangi, Yayasan Salman, h. 108.

⁷⁹ Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani, (1994). *Al-Mi'lāt al-Munāt Fī Ma'rifa Allāh al-Qadīr*, Kota Bharu, Pustaka Aman Pres. Sdn. Bhd., h. 22.

apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha berkuasa atas segala sesuatu.

iv. Selain penggunaan ayat *al-Quran* dan *al- \times ad $\hat{\mathit{Eth}}$* adalah dibolehkan juga menjampi dengan bahasa arab atau dengan apa bahasa yang difahami makna atau pengertiannya, malah pengubatan dengan cara ini tidak ada tegahan pada pandangan syarak.⁸⁰

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ؟، فَقَالَ: أَعْرِضُوا عَلَيَّ رُقْكُمْ، لَا بِأَسْبَابِ الرُّرْقَى مَا لَمْ يَكُنْ شَرْكًا.

Terjemahannya:

Daripada ‘Auf bin MÉlik, dia berkata: Dahulu kami semasa jahiliyyah biasa melakukan ruqyah(jampi), lalu kami kata (bertanya) wahai Rasulullah! Apakah pandangan engkau tentang hal itu. Kata Rasulullah s.a.w. cuba bentangkan (perdengarkan) jampi kamu itu: lalu (kata Rasulullah s.a.w.) adalah boleh seseorang itu melakukan jampi selagi di dalamnya tidak ada kesyirikan.

Melalui Íad $\hat{\mathit{Eth}}$ ini jelaslah bahawa jampi yang membawa kepada syirik adalah ditegah sama sekali, begitu juga dengan jampi yang tidak dapat difahami pengertiannya juga ditegah, kerana tidak ada jaminan bahawa ia tidak membawa kepada kesyirikan. Maka tegahan bagi jampi yang tidak difahami pengertiaanya adalah berasaskan prinsip waspada atau berhati-hati.⁸²

v. Dalam melakukan rawatan, orang yang melakukan jampi tidak boleh beriktikad bahawa jampi yang digunakannya memberi kesan dengan sendirinya

⁸⁰ Ab $\hat{\mathit{E}}$ ‘Abd. Al-RaÍmÉn MuÍammad Syamsul Haq al-‘AÐÉm AbÉd $\hat{\mathit{E}}$, (2005). ‘Aun al-Ma’b $\hat{\mathit{Ed}}$ ‘AlÉ SyarÍ Sunan Ab $\hat{\mathit{E}}$ DÉw $\hat{\mathit{Ed}}$. Jld. 2, Beirut, DÉr Ibn xazm, h. 1764.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Álmad bin ‘Al $\hat{\mathit{E}}$ bin Hajar al-‘AsqalÉn $\hat{\mathit{E}}$, *op. cit.*, h. 222.

tanpa ada campur tangan daripada Allah secara langsung sama ada dengan kehendak atau keizinan-Nya. Lantaran di sana telah wujud unsur kesyirikan terhadap *qudrat* dan *irādah* Allahs.w.t. sedangkan hanya Allah sahaja yang mampu melakukan sesuatu sebagaimana firman-Nya:

قُلْ اللَّهُمَّ مَنِلَّكَ الْمُلْكُ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزَعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتَعْزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذْلِّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (26)

Óli ‘ImrÉn (3): 26

Terjemahannya:

Katakanlah: "Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki, di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

2.8 Kesimpulan

Sekiranya ilmu pertanian, kedoktoran moden dianggap penting dan termasuk dalam fardu kifayah kerana tanpanya fizikal masyarakat boleh pincang, apatah lagi dengan ilmu pengubatan Islam yang juga tergolong dalam fardu kifayah, yang mana peranannya jauh lebih besar dalam menangani kepincangan fardu ain itu sendiri iaitu dengan menjaga ketulinan akidah umat Islam. Lantaran masih ramai masyarakat dari berbagai lapisan yang sanggup berjumpa bomoh atau pawang yang mengubati penyakit dengan tidak bergantung kepada Allah. Keterlibatan mereka ini sama ada kerana kejahilan atau menuruti nafsu yang tidak sabar dengan ujian Allah dan ini merupakan satu fenomena yang sentiasa hidup dalam sebahagian jiwa masyarakat yang masih jahil dalam

memahami konsep qudratuLlah dan iradatuLlah. Sedangkan Allah jelas telah memberi peringatan melalui firman-Nya.

وَإِن يَمْسِسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِن تُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَ لِفَضْلِهِ
يُصِيبُ بِهِ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الْحَيِيمُ (107)

YEnus (10): 107

Terjemahannya:

Jika Allah menimpa sesuatu kemudharatan kepadamu, maka tidak ada yang dapat menghilangkannya kecuali Dia, dan jika Allah menghendaki kebaikan bagi kamu, maka tak ada yang dapat menolak kurnia-Nya. Dia memberikan kebaikan itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Melalui ayat tersebut dapat difahami akan keperluan menjaga dan mengangkat ilmu pengubatan Islam dalam kehidupan harian yang bertujuan menjaga kesihatan roh dan jasad manusia. Walau bagaimanapun dasar perubatan Islam mestilah terangkum dalam tiga prinsip utama iaitu:

- i. Akidah yang tidak dicampur aduk dengan mana-mana fahaman yang salah.
- ii. Penghayatan syariat yang berteraskan kandungan al-Quran dan al-Sunnah.
- iii. Pemahaman pembudayaan konsep tasawwuf yang benar.

Melalui bab ini juga, penulis sengaja memilih dalil-dalil syarak yang telah dipilih oleh pengasas Darussyifa' untuk dijadikan amalan kaedah pengubatannya. Oleh itu haruslah ditekankan bahawa kaedah perubatan di sisi Islam bukanlah dibataskan kepada

satu-satu bentuk rawatan tertentu sahaja. Malahan apa jua cara rawatan yang sesuai sama ada dengan menggunakan akar kayu, ubat-ubatan moden, pembedahan, atau melalui cara psikologi dan metafizik adalah dibenarkan, jika rawatan biasa diguna telah terbukti gagal.⁸³

Secara umum menurut Dr. Danial Zainal Abidin menyimpulkan bahawa formula menyuburkan kesihatan yang diguna oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam aspek pencegahan adalah melalui pengurusan dan menjaga dengan baik dalam aspek makanan, minuman, pemakaian, kebersihan tempat tinggal, penjagaan udara dan persekitaran, penjagaan semasa tidur dan bangun, semasa bergerak dan duduk diam, mengurus perkahwinan, mengurus masa lapang dan juga masa menyendiri dengan beribadah. Apabila semua ini dapat diseimbangkan dengan mengambil kira kekuatan badan, keadaan persekitaran, masa dan adat kebiasaan, ia sering kali dapat menghasilkan kesihatan dan kesejahteraan yang terbaik.⁸⁴

Demikianlah amalan pengubatan Islam, ia hendaklah dilaksanakan dengan cara yang paling baik dan tidak terkeluar dari landasan panduan hukum-hukum syarak. Sebab itu dalam perubatan Islam telah meletakkan segala kepercayaan (apa yang berlaku) kepada kekuasaan Allah semata-mata, dengan mengutuk segala amalan yang tidak betul, menolak amalan karut serta sihir dan menjadikan al-Quran serta al-Sunnah sebagai garis kasar dalam menghadapi persoalan hidup.⁸⁵

⁸³ Ismail Saad (Prof.) (t.t) *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 166.

⁸⁴ Danial Zainal Abidin, *op. cit.*, h. 15-16.

⁸⁵ Ismail Saad (Prof.) (t.t) *op. cit.*, h. 188.

